

NO. SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

SOALAN :

YB. Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah permuafakatan yang dicapai di antara negara-negara ASEAN dalam isu pertelingkahan perebutan budaya seperti dalam isu pakaian batik, tarian pendet, angklung dan makanan.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu pertelingkahan perebutan budaya sering kali tidak dapat dielakkan memandangkan adat budaya dalam kalangan negara ASEAN yang hampir sama. Namun, berpegang kepada semangat ASEAN, pemuaafakan telah dicapai di dalam persidangan yang dihadiri oleh kalangan negara anggota supaya mana-mana budaya yang sama sewajarnya diberi pengiktirafan secara bersama. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada isu pertelingkahan perebutan budaya antara negara ASEAN yang telah diterima secara rasmi oleh Kementerian ini sejak tahun 2013.

Isu persamaan budaya antara negara ASEAN sering kali diperbesarkan oleh media dan disemarakkan oleh aktivis budaya oleh negara tertentu sahaja. Hingga kini, isu tersebut berjaya diselesaikan secara aman dan harmoni di atas prinsip bahawa seni budaya adalah warisan bangsa yang perlu dikembang dan dipertahankan untuk faedah bersama.

Menyedari kepentingan keharmonian serantau dalam perkongsian warisan budaya, Menteri-Menteri ASEAN yang bertanggungjawab mengenai kesenian dan kebudayaan telah memperakui deklarasi yang mempromosikan prinsip kesatuan dalam kepelbagaian (*"Unity in Diversity"*) pada tahun 2011. Deklarasi ini menitik beratkan aspek-aspek menghormati amalan kebudayaan, bahasa, agama dan tradisi setiap rakyat ASEAN. Melalui prinsip ini juga, setiap rangka dasar dan program pemerkasaan Komuniti ASEAN adalah berteraskan kepada nilai-nilai serantau.

Manifestasi ini diteruskan melalui Rangka Pelan Tindakan Strategik ASEAN yang telah dimuktamadkan oleh Kementerian ini sewaktu mempengerusikan tonggak Sosio-Budaya ASEAN pada 2015. Rangka Pelan Tindakan Strategik ASEAN menggariskan garis tindakan supaya Komuniti ASEAN adalah lebih dinamik, berdaya tahan tinggi, inklusif dan mapan bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Selain itu, Persidangan *Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage (Tenth Session)* yang diadakan Namibia pada 30 November hingga 4 Disember 2015 telah mengesyorkan supaya negara anggota mengangkat secara bersama bagi budaya warisan yang sama dan diberikan keutamaan penilaian untuk mendapat pengiktirafan peringkat UNESCO.

Selain itu juga, berdasarkan kepada Chapter I.5, Para 13, *Operational Directives for the Implementation of the Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*, menyatakan bahawa negara anggota digalakkan menghantar pencalonan secara bersama negara anggota lain untuk pengiktirafan UNESCO sekiranya elemen tersebut turut berada dalam kawasan melebihi satu negara. Justeru, isu perebutan budaya dapat diselesaikan dengan kerjasama baik semua pihak termasuk negara-negara lain.

Sekian, terima kasih.